



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)
**PEMBERIAN BAUCAR BUKU MADANI KEPADA PELAJAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI DI BAWAH SELIAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)TAHUN 2024**
FASA KEDUA
(30 OKTOBER HINGGA 31 DISEMBER 2024)

ISI KANDUNGAN

- 1) Berapakah nilai pemberian Baucar Buku Madani ini? 3
- 2) Siapakah yang layak menerima Baucar Buku Madani? 3
- 3) Adakah Baucar ini turut diberikan kepada pelajar Malaysia yang berada di Luar Negara? 3
- 4) Bagaimanakah pelajar memohon dan menyemak status kelayakan masing-masing? 3
- 5) Bagaimanakah penebusan Baucar dibuat? 4
- 6) Bagaimanakah sekiranya jumlah pembelian melebihi RM 100 nilai baucar? 4
- 7) Bilakah tempoh sah laku Baucar ini? 4
- 8) Adakah pelajar yang telah berhenti pengajian sebelum 31 Mac 2024 layak menerima e-Baucar ini? 4
- 9) Adakah pelajar yang sedang menjalani latihan industri dan *work-based learning* layak menerima Baucar ini? 4
- 10) Adakah pelajar yang mendaftar terus ke IPT tanpa melalui saluran perdana iaitu Unit Pusat Universiti (UPU) layak menerima Baucar ini ? 5
- 11) Adakah pelajar yang akan menghadiri konvokesyen pada November 2024 tetapi aktif pada 31 Mac 2024 layak menerima baucar Ini? Error! Bookmark not defined.
- 12) Adakah pelajar yang telah tamat pengajian sebelum 31 Mac 2024 tetapi belum menghadiri majlis konvokesyen layak menerima Baucar ini? 5
- 13) Sekiranya terdapat kemosykilan atau pertanyaan berhubung Baucar ini, siapakah pegawai yang boleh dirujuk? 5
- 14) Mohon terangkan secara ringkas tatacara permohonan dan penebusan e-Baucar ini? 5

1) Berapakah nilai pemberian Baucar Buku Madani ini?

Setiap pelajar yang layak akan menerima e-Baucar buku berjumlah RM100 merangkumi kos buku, penghantaran, pembungkusan, pembekalan dan sebagainya. Pembelian yang melebihi RM100 adalah di bawah tanggungan pelajar dan tuntutan tambahan tidak boleh dibuat kepada KPT.

2) Siapakah yang layak menerima Baucar Buku Madani?

Pelajar-pelajar yang memenuhi semua kriteria berikut layak menerima e-Baucar buku:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berstatus aktif sebagai pelajar pada **31 Mac 2024**;
- (c) Sedang melanjutkan pengajian di peringkat Sijil, Asasi, Diploma, Diploma Lepasan Ijazah, Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah dan kursus profesional yang bertaraf diploma dan ke atas yang diiktiraf oleh Kerajaan atau badan-badan professional;
- (d) Menuntut di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) termasuk Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS);
- (e) Sedang melanjutkan pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa.
- (f) Pelajar yang telah menerima Baucar daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah **tidak layak dipertimbangkan** untuk pemberian Baucar di bawah KPT; dan
- (g) Pelajar IPT yang telah menerima Baucar daripada KPT untuk fasa pertama pada 1 Jun 2024 adalah **tidak layak dipertimbangkan** untuk pemberian Baucar fasa kedua.

Nota: Mohon berhubung dengan pihak Hal Ehwal Pelajar di IPT untuk semakan lanjut berhubung syarat kelayakan permohonan Baucar

3) Adakah bantuan ini turut diberikan kepada pelajar Malaysia yang berada di Luar Negara?

Tidak, bantuan ini adalah untuk pelajar yang menuntut di Malaysia sahaja (merujuk perkara no.2).

4) Bagaimanakah pelajar memohon dan menyemak status kelayakan masing-masing?

Kesemua pelajar boleh menyemak status kelayakan masing-masing melalui portal <https://mysiswaplace.my/> bermula jam 10.00 pagi pada 30 Oktober 2024 (Rabu). Semasa memohon pelajar perlu memasukkan nombor kad pengenalan dan nombor matrik. Status kelayakan pelajar boleh disemak melalui portal dan sekiranya pelajar tersebut layak untuk menerima baucar, nilai baucar akan disimpan di platform tersebut atas nama pelajar dan seterusnya boleh

membuat pembelian.

5) Bagaimakah penebusan Baucar dibuat?

Penebusan Baucar bernilai RM100 hanya sah untuk pembelian buku secara dalam talian di platform <https://mysiswaplace.my/>.

6) Bagaimakah sekiranya jumlah pembelian melebihi RM 100 nilai baucar?

Bagi pembelian yang melebihi nilai baucar RM 100, pelajar boleh menampung bayaran tambahan dengan menggunakan kemudahan pembayaran termasuk FPX dan e-wallet (seperti Touch n Go dan lain-lain).

7) Bilakah tempoh sah laku Baucar ini?

Tempoh pelajar untuk menebus Baucar tersebut adalah sehingga 31 Disember 2024.

(i) Penebusan Baucar bermula pada **10.00 pagi, 30 Oktober 2024** (*di platform portal* <https://mysiswaplace.my/>);

(ii) Baucar perlu dibelanjakan/ ditebus selewat-lewatnya pada **11.50 malam, 31 Disember 2024** (*di platform portal* <https://mysiswaplace.my/>) dan

(iii) Selepas tarikh akhir, **Baucar akan luput** secara automatik.

8) Adakah pelajar yang telah berhenti pengajian sebelum 31 Mac 2024 layak menerima Baucar ini?

Tidak. Hanya pelajar yang berstatus aktif pada 31 Mac 2024 sahaja yang layak menerima Baucar ini.

9) Adakah pelajar yang sedang menjalani latihan industri dan work-based learning layak menerima bantuan ini?

Ya. Pelajar tersebut juga layak menerima bantuan ini.

10) Adakah pelajar yang mendaftar terus ke IPT tanpa melalui saluran perdana iaitu Unit Pusat Universiti (UPU), KPT layak menerima Baucar ini ?

Ya. Pelajar tersebut juga layak menerima bantuan ini.

- 11) Adakah pelajar yang akan menghadiri majlis konvokesyen pada November 2024 tetapi aktif pada 31 Mac 2024 layak menerima Baucar ini?**

Ya. *Ini kerana pelajar tersebut masih lagi berstatus aktif pada 31 Mac 2024 di Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.*

- 12) Adakah pelajar yang telah tamat pengajian sebelum 31 Mac 2024 tetapi belum menghadiri majlis konvokesyen layak menerima Baucar ini?**

Tidak. *Ini kerana pelajar tersebut tidak lagi berstatus aktif pada 31 Mac 2024 di Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.*


- 13) Sekiranya terdapat kemosyikilan atau pertanyaan berhubung Baucar ini, siapakah pegawai yang boleh dirujuk?**

Bil	Keterangan	Kaedah penyelesaian
1	<i>Pelajar gagal tebus di platform MySiswaPlace</i>	<p><i>Pelajar disarankan untuk berhubung terus dengan pihak MySiswaPlace sekiranya pertanyaan atau aduan tersebut mengenai Baucar Buku yang melalui medium berikut:</i></p> <p><i>Medium Perhubungan: MySiswaPlace.my email : hello@mysiswaplace.my office line : +603 8309 7748 whatsapp : +6011 6139 0980 live chat : melalui portal</i></p>

- 14) Mohon terangkan secara ringkas tatacara permohonan dan penebusan e-Baucar ini?**


Langkah 1: Laman Web

Lawati laman web www.mysiswaplace.my. Sila klik "Register" untuk mendaftar.




Langkah 2:

Satu prompt "Sign Up" akan terpapar meminta anda untuk memasukkan alamat emel dan no telefon bimbit anda. Sila klik "Submit" setelah selesai.



Langkah 3: Mengesahkan Alamat Emel

Untuk kepastian, sistem akan memaparkan alamat emel yang telah dimasukan. Sekiranya perlu diubah, sila klik "Change Email" untuk kembali ke langkah sebelum. Sekiranya sahih, klik "Send Code" untuk mendapatkan kod sekuriti.




Langkah 4: Terima Kod Akses di Emel

Sila semak emel anda untuk mendapatkan kod akses. Sekiranya tiada emel diterima, sila semak fail "Spam" anda. Anda akan menerima kod akses seperti gambar di bawah.

An email inbox screenshot. The email is from 'no-reply@mysiswaplace.my' with the subject 'Verification Code Request' and recipient 'To: Ali Bin Ahmad'. The email body starts with 'This message is from a mailing list.' and includes the MySiswaPlace logo. It then says 'Dear ali_ahmad@grmail.com' and provides instructions: 'We have received your request to generate a verification code. Please use the following code to proceed:' followed by the code '6546'. It also includes a note: 'If you did not request this code, please contact our support team immediately.' At the bottom, it says 'Thank you,' and 'MySiswaPlace Team'. The email is timestamped 'Inbox - Google 5:47 PM'.


Langkah 5: Pengesahan Kod

Masukkan kod 4 digit yang telah diterima.




Langkah 6: Maklumat Asas Pelajar

Seterusnya, masukkan nama penuh, no matrik dan no kad pengenalan (MyKad). Klik "Next" sesudah selesai.



Langkah 7: Maklumat Institusi

Seterusnya, pilih jenis IPT dan nama institusi anda. Sila klik "Submit" untuk memulakan semakan kelayakan Baucar.



Langkah 8: Semakan Kelayakan Baucar

Sistem akan membuat semakan kelayakan. Keputusan semakan akan dipaparkan. Sekiranya berjaya, nilai baucar akan dikreditkan dalam akaun anda di dalam portal MySiswaPlace.

Harap maklum bahawa anda masih boleh mencuba untuk menyemak kelayakan di dalam portal pada bila-bila masa.

